



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

ALAT BANTUAN PENGILANGAN (*MANUFACTURING AIDS*) DAN PERALATAN *CLEANROOM*

**KETETAPAN UMUM BIL. 02/2024
(PINDAAN) 2024**

TARIKH KUATKUASA: 24 APRIL 2024

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah Kastam (KPK) diberikan kuasa untuk mengeluarkan Ketetapan Umum Bil: 2/2024 bagi menentukan Senarai Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids*) Dan Peralatan *Cleanroom* Yang Ditetapkan Untuk Pengecualian Cukai Jualan di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya, atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baru atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **24 April 2024**

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini.

KETETAPAN UMUM BIL. 02/2024 (PINDAAN) 2024
ALAT BANTUAN PENGILANGAN (*MANUFACTURING AIDS*) DAN PERALATAN
CLEANROOM

1. Ketetapan umum Bil.2/2024 dipinda di bahagian Lampiran 1 bagi tujuan menambah senarai barang yang telah diluluskan sebagai alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*).
2. Ketetapan umum Bil.2/2024, dipinda dalam Lampiran 1, Jadual 1: Senarai Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids*) dengan memasukkan selepas bilangan 237 dalam ruang 1 seperti Jadual berikut:

BIL	SENARAI ALAT BANTUAN PENGILANGAN (<i>MANUFACTURING AIDS</i>)
238.	<i>Perforated Kraft Paper</i>
239.	<i>Food Grade Kf-100 White Mineral Oil</i>
240.	<i>Plate Mounting Tape</i>
241.	<i>Poly Tetrafluoroetilena (PTFE)</i>
242.	<i>Paperband</i>

3. Ketetapan umum bil.2/2024 (Pindaan) 2024 ini berkuatkuasa mulai 24 April 2024.

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia